



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|-----------|------------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date | 21 NOVEMBER 2016 |

Tidak tolak kemungkinan tahan Dr. Mahathir

RANTAU PANJANG 20

Nov. - Tun Dr. Mahathir Mohamed yang terlibat dengan perhimpunan haram Bersih 5.0 berkemungkinan menjadi individu terbaharu ditahan sekiranya bekas Perdana Menteri itu masih berterusan menghasut rakyat menjatuhkan kerajaan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, sebagai seorang negarawan, Dr. Mahathir sememangnya dihormati namun jika beliau terus melampaui batas, pihaknya akan mengambil tindakan tegas.

Bagaimanapun katanya, Dr. Mahathir sememangnya berharap beliau ditahan kononnya untuk menarik simpati rakyat menyokongnya.

"Kita tahu Dr. Mahathir hendak ditangkap tetapi kita tidak akan masuk dalam perangkap dia (Dr. Mahathir)," katanya dalam sidang akhbar selepas meninjau Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Rantau Panjang di sini hari ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Nur Jazlan menyifatkan perhimpunan Bersih yang berlangsung di Kuala Lumpur semalam sebagai gagal.

Dalam masa sama, beliau turut menzahirkan rasa simpati dengan penganjur Bersih kerana gagal menarik sokongan rakyat meskipun laungan awal mereka kononya mampu menarik lebih 400,000 peserta.

Katanya, daripada jumlah yang dilaporkan pihak polis dan media asing, demonstrasi jalanan Bersih hanya menarik penyertaan sekitar 15,000 orang sahaja.

"Bersih kali ini gagal namun bagi polis ia satu kejayaan kerana tidak menggunakan sebarang kekerasan dalam mengawal peserta perhimpunan tersebut," katanya.